

Headline	Ketua Hakim Negara dahului senarai penerima Darjah Kebesaran Persekutuan		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	10 Sep 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	31,034
Page No	9	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	282 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,051
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,153



Ketua Hakim Negara dahului senarai penerima Darjah Kebesaran Persekutuan



KURNIA: Al-Sultan Abdullah mengurniakan Darjah Kebesaran Panglima Mangku Negara yang membawa gelaran Tan Sri kepada Tengku Maimun pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara dekat Kuala Lumpur, semalam. — *Gambar Bernama*

KUALA LUMPUR: Ketua Hakim Negara Datuk Seri Utama Tengku Maimun Tuan Mat semalam mengetuai senarai 42 penerima Darjah Kebesaran Persekutuan 2019 daripada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bersempena Hari Keputeraan rasmi Seri Paduka.

Pada istiadat pengurniaan hari pertama semalam, Tengku Maimun, 60, yang dilantik memegang jawatan itu pada 2 Mei lepas menerima Darjah Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran 'Tan Sri'.

Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah turut berangkat ke Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan itu yang berlangsung di Balai Seri Istana Negara, di sini.

Tengku Maimun yang merupakan anak jati Kota Bharu, Kelantan menciptasejarah apabila menjadi wanita pertama memegang jawatan tertinggi badan kehakiman negara.

Turut menerima Darjah PMN ialah Ketua Setiausaha Negara (KSN) Datuk Seri Dr Ismail Bakar dan Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin.

Ismail, 58, dilantik sebagai KSN pada 29 Ogos lepas. Lulusan Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya, Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Doktor Falsafah dari University of Hull, United Kingdom itu telah 32 tahun berkhidmat dalam perkhidmatan awam serta berpengalaman luas dalam bidang pengurusan ekonomi dan kewangan.

Zulkifli, 60, pula dilantik sebagai Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

pada 20 Jun 2018 dan pernah memegang jawatan Panglima Tentera Darat pada 2011.

Pada tahun ini, Yang di-Pertuan Agong berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan kepada 795 individu daripada pelbagai kategori.

Selain tiga tokoh tersebut, istiadat pengurniaan hari pertama hari ini turut menyaksikan 15 individu lain menerima Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang juga membawa gelaran Tan Sri iaitu Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Mohamad Ariff Md Yusof, Hakim Besar Sabah dan Sarawak Datuk Seri David Wong Dak Wah, Peguam Negara Tommy Thomas, Ketua Polis Negara Datuk Seri Abdul Hamid Bador dan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Seri Borhan Dolah. Turut menerima, Ketua

Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Seri Alwi Ibrahim, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri di Pejabat Perdana Menteri Datuk Badariah Arshad, Panglima Tentera Darat Jen Datuk Seri Ahmad Hasbullah Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut Laksamana Datuk Mohd Reza Mohd Sany.

Penerima Darjah PSM yang lain adalah bekas Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Seri Balia Yusof Wahi, Pengerusi Eksekutif Kumpulan MFDM Holdings Sdn Bhd Datuk Seri Mahamad Fathil Mahmood, Presiden Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) Datuk Soh Thian Lai, Presiden dan juga Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Tunku

Abdul Rahman (UTAR) Prof Datuk Dr Chuah Hean Teik serta Peguam Negara Qatar Dr Ali Fetais Al-Marri.

Yang di-Pertuan Agong turut mengurniakan Darjah Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran 'Datuk' kepada 21 penerima iaitu Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri Nor Azri Zulfakar, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Datin Paduka Dr Siti Hamisah Tapsir, Peguam Cara Negara II Datuk Siti Zainab Omar, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Azhar Azizan Harun, Hakim Mahkamah Tinggi Kuching Supang Lian dan Hakim Mahkamah Tinggi Johor Bahru See Mee Chun serta Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr Abd Latif Mohd. — *Bernama*